

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI
[LAHAD DATU]**

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan menempatkan pakar kardiologi dan nefrologi di Hospital Lahad Datu Sabah dan adakah Kementerian sudah mengenal pasti peralatan-peralatan yang perlu diganti dan ditambah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, dengan jumlah pakar kardiologi terhad seramai 33 orang di seluruh negara dan hanya 1 pakar kardiologi dan 4 pelatih di Sabah, pesakit-pesakit jantung yang memerlukan rawatan intervensi kardiologi masih perlu dirujuk ke Hospital Queen Elizabeth 2, Kota Kinabalu, di mana terdapat kemudahan 2 Makmal Invasif Kardiak (ICL). Keperluan perkhidmatan invasif adalah tidak hanya bergantung kepada penempatan pakar kardiologi, tetapi juga fasiliti, peralatan ICL dan keperluan sumber manusia terlatih yang turut merangkumi paramedik. Pesakit jantung akan dirawat oleh Pakar Perubatan Am di Hospital Lahad Datu, dan pasukan kardiologi dari Hospital Queen Elizabeth 2, Kota Kinabalu turut melakukan telekonsultasi bagi membantu perawatan pesakit

SOALAN NO : 16

2. Terdapat 4 orang pakar nefrologi di Sabah dan 2 orang pakar respiratori yang telah ditempatkan di Hospital Queen Elizabeth. Perkhidmatan perubatan telah dijalankan oleh Pakar Perubatan Am dan pakar-pakar subkepakaran yang lain telah menjalankan lawatan berkala ke Hospital Lahad Datu.

3. Pesakit-pesakit kegagalan buah pinggang kronik yang memerlukan rawatan dialisis di kawasan Lahad Datu menjalani rawatan dialisis di Hospital Lahad Datu. Buat masa kini, terdapat 31 unit mesin dialisis di Hospital Lahad Datu bagi memenuhi keperluan seramai 124 orang pesakit. Bagi mengurangkan pesakit yang memerlukan rawatan hemodialisis di Hospital Lahad Datu, sebuah unit hemodialisis akan diwujudkan di Klinik Kesihatan Tunku di mana pada masa kini terdapat 12 orang pesakit daripada kawasan tersebut yang menjalani rawatan hemodialisis di Hospital Lahad Datu. Dengan pertambahan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis di seluruh negara yang semakin meningkat, KKM sedang berusaha memperluaskan kaedah rawatan *Peritoneal Dialysis* (PD). Kaedah rawatan PD ini dapat dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri dan dapat mengurangkan keperluan kemudahan hemodialisis.

4. KKM telah memperuntukan sejumlah RM 17,773,470 kepada Hospital Lahad Datu bagi perolehan peralatan perubatan sepanjang tempoh 2020 sehingga Oktober 2021 mengikut keutamaan pihak hospital dan JKN. Peralatan ini termasuk peralatan perubatan yang diperlukan dalam menangani wabak COVID-19 di hospital Lahad Datu. Antara peralatan yang telah diperolehi bagi Hospital Lahad Datu adalah mesin hemodialisis, *portable Reverse Osmosis* (RO), *dialyser reproprocessor Machine*, *ventilator*, peralatan makmal dan lain-lain.

5. Pihak Kementerian akan sentiasa memantau keperluan dalam penambahan atau penggantian peralatan ini dari semasa ke semasa agar perkhidmatan kesihatan di hospital ini agar tidak akan terjejas.

Sekian, terima kasih.